



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI PERKUKUH INFRASTRUKTUR DESA DI BACHOK

Bachok, 20 September 2025 – Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI Jabatan Muzium Malaysia telah disempurnakan oleh Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bertempat di Kampung Kuchelong, Jelawat, Bachok, Kelantan.

Program Kampung Angkat MADANI telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 bertujuan merapatkan jurang antara desa dan bandar. Pendekatan ini merupakan inisiatif whole of government yang memberi tumpuan kepada pemeraksanaan komuniti desa melalui penyediaan infrastruktur asas secara menyeluruh di setiap kampung yang terpilih.

Program yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Kampung Angkat MADANI juga dijadikan penanda aras pelaksanaan pendekatan baharu ke arah keberhasilan manfaat langsung kepada rakyat. Ketua Setiausaha, Ketua Perkhidmatan, Ketua Pengarah dan Universiti Awam perlu melaporkan kemajuan secara berkala dengan pemantauan dibuat oleh ICU.

Sebanyak enam projek utama telah berjaya dilaksanakan di Kampung Kuchelong, iaitu naik taraf Surau Buruk termasuk pembinaan wakaf dan kerja-kerja pembersihan tanah perkuburan, naik taraf Madrasah Tok Ayah, penurapan semula jalan dari Kampung Kuchelong ke Kampung Padang Lati, naik taraf lorong gelanggang futsal dengan pemasangan pagar dan lampu solar di kawasan Mini Kompleks Sukan, pembinaan gelanggang pétanque, bola tampar dan kemudahan tandas awam, serta pembinaan sebuah gelanggang futsal baharu.

Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan majlis yang turut menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk penglibatan 12 reruai agensi kerajaan, saringan kesihatan dan pemeriksaan mata percuma, penukaran minyak hitam percuma untuk 100 motosikal, program keusahawanan dan pendidikan, pertandingan hiburan moden serta tradisional, selain pelbagai aktiviti lain yang bermanfaat untuk semua lapisan masyarakat.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
20 September 2025
JMM.100-9/1/7 (14)